

*Food Bank Siswa Malaysia*

## Program diperluas kepada 123 IPT

**Bachok:** Program Food Bank Siswa Malaysia akan diperluas kepada 123 institusi pengajian tinggi (IPT) merangkumi politeknik, institut pendidikan guru (IPG) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata Kementerian memperuntukkan sejumlah RM25 juta bagi tujuan itu.

"Pada tahun ini, sebanyak 22

universiti awam mendapat manfaat daripada program itu dan melebihi sasaran awal 20 universiti awam yang ditetapkan.

"Pada tahun ini juga 6,700 penerima mendapat manfaat daripada program itu," katanya selepas merasmikan Program Food Bank Siswa di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Bachok, di sini, semalam.

Saifuddin berkata, aspek logistik program itu akan diperkemaskan tahun depan, dengan menyediakan satu pusat pengedaran

dengan kemudahan lori untuk menghantar barangan serta peti sejuk, bagi menyimpan makanan yang diberikan rakan strategik penyumbang.

Beliau berkata, setakat ini terdapat 430 rakan strategik penyumbang daripada pelbagai syarikat menyertai program itu dan angka berkenaan dijangka akan terus bertambah, walaupun tidak mendapat sebarang insentif daripada kerajaan buat masa ini.

"Kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan pemegang

kepentingan dalam program ini untuk pemberian insentif yang difikirkan sesuai.

"Misalnya, kalau mereka berurusan dengan Kementerian, kita akan pastikan satu sistem penyampaian yang lebih pantas, itu sangat membantu mereka.

"Program ini tidak membabitkan kos yang besar tapi berimpak tinggi, terutama untuk membantu siswa siswi daripada golongan berpendapatan rendah, untuk meringankan beban perbelanjaan mereka," katanya.